

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 15/6/2010

# 'Melayu perlu bangkit pertahan hak'

UM-15/06/2010

Oleh RADHUAN HUSSAIN  
pengarang@utusan.com.my

KUALA TERENGGANU 14 Jun – Masa depan orang Melayu kini dalam keadaan amat genting dan cemas apabila kaum itu semakin kehilangan kuasa yang akhirnya akan menerima nasib seperti minoriti Melayu di Singapura.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, jika kaum Melayu di negara ini masih belum sedar untuk bangkit mempertahankan hak mereka, tidak mustahil kaum itu akan menjadi kaum minoriti di negara sendiri.

"Kita (orang Melayu) dalam keadaan amat genting, bukannya kita (bangkit) untuk merusuh tapi dari segi hak, kita sudah terhakis. Tidak

banyak lagi kekayaan yang dinikmati oleh kita.

"Sedarlah dan bangkitlah agar kita sama-sama susun langkah, bukannya merusuh tapi untuk menuntut hak kita," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Perhimpunan Melayu Bangkit anjuran Gerakan Kebangkitan Rakyat (Gertak) di Stadium Negeri di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Ahmad Said; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Datuk Tengku Putera Tengku Awang serta Pengerusi Gertak, Razali Idris. Perhimpunan itu dihadiri kira-kira 2,000 orang termasuk wakil badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Dr. Mahathir seterusnya berkata, orang Melayu perlu menyalahkan diri sendiri apabila kuasa yang dimiliki semakin terhakis sehingga

menyebabkan kaum majoriti bertukar kepada minoriti.

Beliau juga percaya bahawa kemelut yang melanda kaum Melayu itu antara lain disebabkan kerakusan individu tertentu yang merebut kuasa demi mencapai cita-citanya menjadi perdana menteri.

"Disebabkan pemimpin macam ini, saya tak mahu lah sebut nama dia, akhirnya majoriti Melayu kini menjadi minoriti. Melayu sudah berpecah tiga dengan setiap satu, orang Melayu cuma ada 20 peratus.

"Ia umpama nasib orang Melayu di Singapura yang jadi kaum minoriti, kalau kita jadi minoriti bermakna kita terima nasib serupa dengan kaum minoriti Melayu di negara itu (Singapura)," ujarnya.

Dalam ucapan selama kira-kira sejam itu, Dr. Mahathir turut menyangkal tohmahan pihak tertentu kononnya program perhimpunan Melayu Bangkit itu yang sepatutnya diadakan pada 13 Mei lalu, dikatakan berbau perkauman.

"Ada pihak anggap perhimpunan pada 13 Mei lalu sengaja dipilih untuk takutkan orang bukan Melayu, ini (13 Mei) kebetulan saja dan tak ada niat tertentu, tapi kita menerima tuduhan yang hebat sekali," katanya.

Justeru, Dr. Mahathir mahu rakyat pelbagai kaum di negara ini terutama Melayu, Cina dan India agar jangan sekali-kali lupakan sejarah termasuk peristiwa berdarah 13 Mei 1969 untuk dijadikan iktibar dan memastikannya tidak berulang.